

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]**

TARIKH : 19 MAC 2014

SOALAN :

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk memberi sumbangan/pampasan ganti rugi atau bantuan kemanusiaan dan lain-lain kepada mangsa bencana alam (banjir kilat) yang telah menerima musibah baru-baru ini.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk membantu rakyat yang ditimpa musibah bencana banjir. Pemberian bantuan wang ihsan RM500 oleh Kerajaan Persekutuan merupakan bantuan yang diberikan kepada ketua isi rumah yang terlibat dengan bencana banjir bagi mengurangkan beban mangsa yang mengalami kerugian akibat kerosakan harta benda.

Walau bagaimanapun, perlu dimaklumkan juga bahawa agihan bantuan ihsan daripada Kerajaan Persekutuan ini bukanlah satu bentuk pampasan kepada kerugian yang dialami mangsa tetapi sebagai bukti keprihatinan Kerajaan Persekutuan dalam meringankan beban mangsa bencana. Pemberian ini juga bergantung kepada kemampuan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan.

Agihan bagi penerima yang berpindah adalah berdasarkan kepada senarai mangsa yang mendaftar dengan JKM semasa di pusat pemindahan manakala bagi yang tidak berpindah, agihan adalah tertakluk kepada senarai nama yang disediakan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) selepas disahkan oleh Pegawai Daerah yang berkenaan. Bagi maksud kejadian bencana banjir yang berlaku di Bintulu baru-baru ini, agihan bantuan wang ihsan sebanyak RM500 telah disalurkan kepada 610 ketua isi rumah pada 14 Mac 2014.

Sekian. Terima kasih.